

NO. SOALAN: 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 23 MEI 2016

RUJUKAN : 9024

SOALAN:

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa gagal pihak Malaysia mengekstradisi anggota Abu Sayyaf yang telah ditahan oleh pihak Filipina. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 29 November 2015, Kerajaan telah dimaklumkan dua (2) orang penjenayah buruan yang dipercayai terlibat dengan jenayah kes penculikan dan pembunuhan rakyat Malaysia di Semporna, Sabah Malaysia telah ditahan oleh *Philippine National Police (PNP)*.

Berdasarkan maklumat tersebut, kerajaan telah pun mengemukakan permohonan ekstradisi melalui saluran diplomatik kepada kerajaan Filipina untuk mengekstradisi 2 orang penjenayah buruan tersebut iaitu: (i) Khadafi Muktafil dan (ii) Saddam Jailani untuk dibicarakan di negara berikutan waran tangkap yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Semporna pada 8 Disember 2015.

Kerajaan Malaysia tidak mempunyai triti atau perjanjian ekstradisi dengan kerajaan Filipina. Oleh yang demikian, ketiadaan perjanjian menyebabkan Kerajaan Filipina tidak terikat dengan penghantaran penjenayah buruan tersebut ke Malaysia. Sebarang keputusan penghantaran penjenayah buruan tersebut adalah berdasarkan pertimbangan oleh Kerajaan Filipina.

Sehingga kini, pihak Kerajaan Filipina masih belum mengemukakan sebarang maklumbalas rasmi mengenai permintaan ekstradisi tersebut. Kerajaan melalui kerjasama Kementerian Luar Negeri akan sentiasa berhubung dengan pihak Kerajaan Filipina bagi mendapatkan maklumat dan status terkini permohonan ekstradisi tersebut.